

Headline	Kadar jangkitan HIV berganda setiap tahun		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	320 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,945



# 'Kadar jangkitan HIV berganda setiap tahun'

## Mardinah Jikur

SANDAKAN: Negara ini dicatatkan sebagai tempat kelima paling pesat merbaknya AIDS di rantau Asia Timur dan Pasifik, dengan kadar semasa jangkitan HIV berganda setiap tahun.

Ahli Parlimen Batu Sapi, Datin Linda Tsen Thau Lin berkata, wabak akibat jangkitan HIV di negara ini sebahagian besar dipengaruhi pengguna dadah suntikan.

"Walaupun terdapat kebimbangan tentang penularan heteroseksual yang sedang meningkat, wabak ini masih berlaku," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia Sandakan 2012 anjuran Kumpulan Sokongan AIDS (SAGA) di Harbour Mall, di sini pada Ahad.

"Menurut statistik, ia menunjukkan purata 17 orang yang diuji positif virus AIDS setiap hari," tambahnya di mana faktor dominan yang menyebabkan ia berleluasa ekoran kekurangan kesedaran tentang bahaya penyakit itu.

Linda berkata, kurangnya kesedaran untuk mengamalkan amalan gaya hidup sihat turut menyumbang kepada perkembangan ini.

Justeru, beliau menyeru semua pihak terus berwaspada mengenai bahaya dan risiko HIV / AIDS yang juga mengancam ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat.

Linda berkata, negara juga komited mengurangkan kadar jangkitan di mana menjelang 2015, usaha mengu-

rangkan jangkitan baru kepada 11 orang bagi setiap 100,000 penduduk, antara yang diusahakan.

Dalam konteks ini, beliau menggesa penglibatan pelbagai agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan bagi memerangi HIV / AIDS.

Dalam pada itu, mengenai sambutan Hari AIDS Sedunia yang disambut setiap 1 Disember, Linda merakamkan penghargaan kepada pihak SAGA di atas penganjuran sambutan itu di sini.

Antara yang hadir Presiden SAGA, Dr. Zaiton Yahaya, ahli-ahlinya dan masyarakat setempat.

Pelbagai acara menarik turut diadakan termasuk persembahan kugiran, tarian tradisi, kempen derma darah, kuiz kesedaran AIDS dan pemeriksaan kesihatan percuma.

Terdahulu, Zaiton memberitahu, bermula 2011 hingga 2015, World Health Organization (WHO) telah menetapkan Hari AIDS Sedunia bertemakan 'Zero AIDS Related Death, Zero Discrimination dan Zero New Infection'.

Di negara ini, kes pertama dikesan pada 1986 dan sehingga Disember tahun 2011 terdapat seramai 94,000 kes yang telah dilaporkan dan sejumlah 17,686 pesakit AIDS manakala 14,986 kematian telah dilaporkan.

"Stigma dan diskriminasi yang menyusuli jangkitan antara sebab ramai kalangan pesakit takut untuk tampil membuat pemeriksaan kesi-



LINDA (kanan) menerima cenderamenu daripada Zaiton pada majlis sambutan tersebut.

hatan," jelasnya.

"Sehubungan itu, hal ini perlu diubah selain penerimaan masyarakat juga perlu dalam memberi semangat kepada mereka yang menghidap penyakit ini," katanya.

Sementara itu, dalam menangani penularan AIDS di kalangan wanita, kerajaan turut menggalakkan saringan kepada bakal pengantin yang beragama Islam mahupun bukan Islam yang mana ia dibuat secara percuma di klinik kesihatan kerajaan. Manakala, setiap ibu yang mengandung juga digalakkan membuat pemeriksaan awal dan saringan HIV.